

SK CATHOLIC ENGLISH PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

*PdPR Minggu 33
Selasa 5^{hb} Oktober 2021*

UNIT 13 KESEDERHANAAN Kesederhanaan Terhadap Jiran

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

Pilih tindakan yang patut kamu lakukan untuk menunjukkan kamu mengamalkan sikap bersederhana dalam hidup berjiran.

Beberapa orang anak jiran sedang berebut-rebut membeli aiskrim di taman permainan.

Sabar dan menunggu giliran untuk membeli aiskrim.

Ikut serta berebut membeli aiskrim.

Kaki kamu telah dipijak oleh jiran kamu ketika bermain bola sepak. Jiran kamu memohon maaf.

Memarahi jiran kerana menyebabkan kaki kamu sakit.

Memaafkan jiran kerana dia tidak sengaja.

Jiran kamu telah menghilangkan raket badminton yang dipinjamkan oleh kamu kepadanya.

Memarahi jiran kamu dan tidak mahu berkawan dengan nya lagi.

Mendengar penjelasan jiran dan memaafkannya.

Kamu dan rakan ditegur oleh jiran kerana berbuat bising ketika bermain di halaman rumah.

Memohon maaf dan berjanji tidak akan berbuat bising lagi.

Tidak berpuas hati dan menunjukkan tingkah laku yang kasar terhadap jiran.

Semasa kamu bermain buaian di taman permainan, ramai anak jiran sedang berbaris untuk bermain buaian.

Berhenti bermain dan memberi peluang kepada jiran untuk bermain buaian.

Membiarkan jiran lain menunggu sehingga kamu berasa puas bermain.